

BAB 1 PENGENALAN KEPADA EKONOMI (G)

1. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Munirah

Syarikat Munirah mengeluarkan 5 000 bungkus rempah sehari untuk dipasarkan.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Munirah

- I. Apa yang hendak dikeluarkan
 - II. Bagaimana hendak dikeluarkan
 - III. Untuk siapa dikeluarkan
 - IV. Berapa yang hendak dikeluarkan
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
2. Pernyataan manakah yang menggambarkan sistem ekonomi pasaran bebas?
- A. Pilihan individu terhad
 - B. Wujud sektor swasta dan sektor kerajaan
 - C. Harga faktor ditentukan oleh mekanisme harga
 - D. Motif sektor swasta adalah untuk memaksimumkan kebajikan
3. Pernyataan manakah yang menerangkan sistem ekonomi campuran?
- I. Sumber ekonomi dikawal sepenuhnya oleh kerajaan
 - II. Hanya individu dan pihak swasta memiliki faktor pengeluaran
 - III. Cara pengeluaran barang awam ditentukan oleh kerajaan
 - IV. Harga ditentukan oleh mekanisme harga dan dikawal oleh kerajaan
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
4. Bagaimanakah masalah “ apa yang hendak dikeluarkan ” diselesaikan dalam sistem ekonomi campuran?
- A. Kerajaan menghadkan pengeluaran lesen perniagaan kepada pihak swasta
 - B. Kerajaan mengawalkan barang dengan cara mengenakan cukai terhadap pihak swasta
 - C. Pihak swasta mengeluarkan barang ekonomi manakala kerajaan pula mengeluarkan barang awam
 - D. Pihak swasta mengagihkan barang mengikut kuasa beli manakala kerajaan mengagihkan barang untuk semua rakyat
5. Manakah yang berkaitan dengan masalah bagaimana hendak dikeluarkan?
- A. Kerajaan mengenakan cukai
 - B. Firma menambahkan pengeluaran barang
 - C. Kerajaan memberi subsidi terhadap suatu barang
 - D. Firma menggantikan pekerja asing dengan modal

6. Pasangan manakah yang benar?

	Sistem Ekonomi	Ciri
A	Pasaran Bebas	Harga dikawal oleh kerajaan
B	Campuran	Sumber ekonomi dimiliki sepenuhnya oleh firma
C	Islam	Wujud persaingan antara firma
D	Perancangan Pusat	Pengguna bebas menentukan kehendak

7. Maklumat yang berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.

Negara L	Negara M
Firma memaksimumkan keuntungan manakala kerajaan memaksimumkan kebajikan	Kepentingan masyarakat melebihi kepentingan diri

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Negara L	Negara M
A	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi Islam
B	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi pasaran bebas
C	Sistem ekonomi islam	Sistem ekonomi Campuran
D	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi Islam

8. Bagaimanakah masalah untuk siapa dikeluarkan diselesaikan?

- A. Jenis barangan dan kuantiti barang
- B. Agihan barang dan kuantiti barang
- C. Agihan pendapatan dan jenis barang
- D. Agihan barang dan agihan pendapatan

9. Maklumat yang berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Mengeluarkan barang dengan cara meminimumkan kos pengeluaran
--

Apakah masalah tersebut?

- A. Apa yang hendak dikeluarkan
- B. Berapa yang hendak dikeluarkan
- C. Bagaimana hendak dikeluarkan
- D. Untuk siapa dikeluarkan

10. Pernyataan manakah yang menerangkan ciri sistem ekonomi perancangan pusat?

- A. Untung yang maksimum diutamakan untuk meningkatkan hasil kerajaan
- B. Harga ditentukan oleh kuasa pasaran namun kerajaan mengawal harga jika berlaku penindasan
- C. Kebajikan masyarakat dititikberatkan
- D. Firma bebas membuat pilihan tetapi dikawal oleh kerajaan.